

# Pusat utama projek bina jalan di Kapit

PM mahu fasa pertama prasarana hubung Nanga Semaram di Kanowit disegerakan

**Kapit:** Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk memberi keutamaan bagi pembinaan beberapa projek jalan di bahagian Kapit, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, antaranya ialah projek pembinaan jalan

menghubungkan Nanga Semaram di Kanowit ke Kapit, sejauh 72 kilometer.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, fasa pertama pembinaan jalan itu dijangka bermula tahun hadapan dan beliau sudah meminta Menteri Kerajaan Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi untuk segera memulakannya.

“Saya minta Alexander (Nanta Linggi) untuk mulakan persiapan (pembinaan) tahun ini, agar kita boleh mula segera.

“Tahun depan kita (sediakan) peruntukan untuk mula fasa satu dan saya percaya selewat-lewatnya akhir tahun depan atau 2026 (pembinaan bakal bermula),” katanya berucap pada majlis ramah mesra pemimpin komuniti masyarakat Kapit di sini, semalam.



Anwar bersama Abang Johari dan Nanta (kanan) pada majlis ramah mesra pemimpin komuniti masyarakat Kapit, semalam. (Foto BERNAMA)

Selain Nanta, program yang diadakan di Dewan Suarah Kapit itu turut dihadiri Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

**Sarawak negeri berpotensi** Sementara itu, mengulas mengenai peranan Sarawak dalam Malaysia, Anwar berkata, kejayaan dikecapi Bumi Kenyalang kini juga adalah kejayaan buat negara.

“Sarawak pada 30, 40 tahun yang lalu antara negeri paling miskin (di Malaysia), tetapi sekarang Sarawak dianggap sebagai negeri berpotensi dan mempunyai kekuatan terutama dalam bidang tenaga.

“Kejayaan Sarawak ini adalah kejayaan kita semua, kerana apa yang Sarawak capai boleh dinikmati oleh semua,” katanya.

Pada lawatan kerja sehari ke Kapit, Perdana Menteri turut me-

rasmikan majlis pecah tanah projek baharu pembangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Kapit dan mendengar taklimat mengenai pembinaan jambatan merentasi Sungai Batang Rajang di Nanga Yong.

Selain itu, Anwar turut menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Pemimpin Masyarakat Rumah Panjang Daerah Kapit dan Song di Rumah Robert, Nanga Sebatu, di sini. BERNAMA